



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum 22 Mac 2025

Untuk Terbitan Media

22 Mac 2025

## **SIARAN MEDIA**

### **PERKESO LANCAR VIDEO RAYA 2025 'DEMI KASIH' – SESUKAR MANA TETAP MELINDUNGI**

**KUALA LUMPUR:** PERKESO terus menghayati semangat kekeluargaan dengan pelancaran video raya, 'Demi Kasih', bersempena dengan sambutan Aidilfitri yang akan diraikan tahun ini.

Video perayaan PERKESO tahun ini mengajak masyarakat untuk menghargai asal usul dan latar belakang keluarga, iaitu tema yang dipilih bagi menggambarkan limpahan kasih sayang ibu bapa kepada anak.

'Demi Kasih' mengetengahkan realiti hari ini mengenai perubahan cara hidup generasi muda yang telah berhijrah dan membina keluarga di bandar raya terhadap keadaan serta suasana kampung.

Hafiz, tanpa sengaja telah melukai perasaan Faridah dan Pak Karim hingga berlakunya keadaan yang tidak diduga terhadap kedua orang tuanya itu.

Ketika pulang ke kampung halaman untuk menyambut Aidilfitri, Hafiz terimbau kembali kenangan ketika dia membesar di rumah kayu itu.

Kenangan tersebut semakin kuat ketika Hafiz cuba mengembalikan semula setiap nostalgia yang ada di rumah ibu dan ayahnya itu.

Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat, Encik Roshaimi Mat Rosely berkata, video raya ini menonjolkan anugerah penting iaitu ikatan erat sebuah keluarga yang tidak harus dipinggirkan.

"Musim perayaan ini, PERKESO membawakan sebuah kisah realiti yang sering berlaku dalam kalangan generasi muda hari ini.

"Video raya ini melambangkan kasih sayang ibu dan bapa terhadap anak tercinta hingga sanggup melakukan apa sahaja," katanya.

Dalam masa sama, Roshaimi memberitahu, video raya tahun ini turut mengetengahkan kepentingan memiliki skim perlindungan sosial PERKESO supaya boleh digunakan ketika ditimpa sebarang bencana.

"Hari ini terdapat pelbagai skim di bawah PERKESO kerana kami percaya seluruh rakyat Malaysia wajar dilindungi, bukan hanya majikan dan pekerja bahkan pekerja sendiri serta suri rumah juga layak menerima manfaat," katanya.

Video #PERKESORaya2025 ini dilakonan oleh Johan As'ari, Jaja Iliyes, Zulkifli Ismail, Rosnah Johari, Hatta Henry dan Nina Fazurina.

Video raya ini boleh ditonton mulai 15 Mac 2025 di platform Youtube Rasmi PERKESO iaitu @PERKESOofficial dan berjaya meraih 100,000 tontonan dalam tempoh 60 jam, manakala versi iklan di televisyen akan disiarkan pada 24 Mac hingga 6 April 2025.

**##TAMAT##**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**22 Mac 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Farhana Joni (+6017-6996105)**

**[farhana.joni@perkeso.gov.my](mailto:farhana.joni@perkeso.gov.my)**